

**KELAS MENENGAH, UMNO DAN INTELIGENSIA:
TENTANGAN DOMINASI POLITIK BUMIPUTERA ISLAM DI
SARAWAK**

***MIDDLE CLASS, UMNO AND INTELLIGENTSIA:
CONTESTING THE MUSLIM BUMIPUTERA'S POLITICAL
DOMINATION IN SARAWAK***

Faisal S. Hazis

Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak

Email: ahfaisal@fss.unimas.my

Barisan Nasional mulai mendominasi politik Sarawak setelah pemimpin bumiputera Islam mengambil alih tampuk pemerintahan negeri daripada pemimpin Iban selepas pilihan raya 1970. Di bawah teraju pemimpin bumiputera Islam ini, Barisan Nasional berjaya menguasai setiap pilihan raya negeri dan parlimen yang diadakan sejak tahun 1970 hingga 2008. Walaupun parti pembangkang melancarkan tentangan sengit pada lewat 1970-an dan pertengahan 1980-an, pemimpin bumiputera Islam ini berjaya mengatasinya untuk terus mengekalkan dominasi parti pemerintah di negeri yang mempunyai bilangan kerusi negeri dan parlimen yang terbanyak. Makalah ini menyusuri dominasi politik pemimpin bumiputera Islam Sarawak dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kekuatan mereka yang menjangkau lebih empat dekad. Walaupun kuasa politik pemimpin bumiputera Islam masih bertahan sehingga ke hari ini, beberapa sumber baharu mulai muncul untuk memberikan tentangan terhadap kuasa politik golongan minoriti ini. Sumber tentangan baharu yang dimaksudkan ialah golongan kelas menengah, United Malays National Organisation (UMNO) dan inteligensia. Makalah ini mengupas tentangan yang diberikan kelompok ini dan impaknya terhadap politik Sarawak khususnya kepimpinan bumiputera Islam.

Kata kunci: bumiputera Islam, dominasi politik, inteligensia, politik Sarawak, tentangan

The ruling Barisan Nasional started to dominate Sarawak politics after the Muslim bumiputera took over the state leadership from the Iban after the 1970 elections. Under the stewardship of the Muslim bumiputera, Barisan Nasional had successfully dominated every state and parliamentary elections held since 1970 to 2008. Although the opposition parties launched a strong challenge

towards the Muslim bumiputera's dominance in the late 1970s and middle 1980s, the latter was able to fend off this challenge and continued to uphold the ruling party's grip on the state with the largest number of state and parliamentary seats. This article analyses the Muslim bumiputera's dominance in Sarawak politics and the factors that had contributed to over four decades of domination. Despite this domination, new sources of contestation have emerged, namely the middle class, United Malays National Organisation (UMNO) and the intelligentsia. This article analyses the contestation instigated by these forces and its impact on Sarawak politics particularly the leadership of Muslim bumiputera.

Keywords: Muslim bumiputera, political domination, intelligentsia, Sarawak politics, contestation

PENGENALAN

Tatkala beberapa negeri di Semenanjung Malaysia dilanda tsunami politik pada 8 Mac 2008, Sarawak masih terus kukuh di bawah dominasi kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan kelompok bumiputera Islam. Dominasi ini, walau bagaimanapun, bakal diuji lagi dalam pilihan raya negeri yang ke-10 nanti oleh Pakatan Rakyat (PR) yang melihat negeri terbesar di Malaysia ini sebagai jambatannya melangkah ke Putrajaya. Tentangan politik yang dicanang sebagai yang terhebat sejak pilihan raya negeri 1987 ini telah pun membuka "gelanggang" di pilihan raya kecil Batang Ai 2009 yang dimenangi BN dengan majoriti 1,854 undi dan diikuti pilihan raya kecil Sibuloh 2010 yang dimenangi pula oleh *Democratic Action Party* (DAP) dengan majoriti kecil 398 undi (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2011). Berdasarkan perkembangan semasa ini, penulis ingin mengupas faktor-faktor yang menyumbang kepada penguasaan berterusan BN di bawah teraju pemimpin bumiputera Islam Sarawak dan juga sumber-sumber tentangan yang mampu menggoncang dominasi tersebut.

KUASA NEGARA DAN KEKUATAN MASYARAKAT: DOMINASI POLITIK PEMIMPIN BUMIPUTERA ISLAM

Dominasi politik pemimpin bumiputera Islam bermula selepas Pilihan Raya Umum 1970. Jawatan Ketua Menteri Sarawak sejak waktu itu disandang oleh dua orang pemimpin Melanau Islam yang berpendidikan tinggi iaitu Abdul Rahman Yaakub (1970 hingga 1981) dan Abdul Taib Mahmud (1981 hingga sekarang). Abdul Rahman Yaakub memainkan peranan penting dalam menghidupkan semula penguasaan masyarakat bumiputera Islam dalam kancah politik Sarawak. Manakala, anak saudara beliau, Abdul Taib Mahmud, pula memastikan kuasa politik bumiputera Islam terus berada dalam genggamannya pemimpin Melanau

Islam. Jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran awam, kabinet negeri dan juga pusat banyak diperuntukkan kepada golongan ini (Mohd Faisal Syam, 2008: 369–372).

Sejak 1970, kerajaan BN di bawah teraju pemimpin Melanau Islam berjaya mendominasi setiap pilihan raya negeri dan parlimen yang diadakan (Mohd Faisal Syam, 2008: 1–3). Walaupun pegangan kuasa pemimpin Melanau Islam agak goyah pada awal 1970-an, ia berjaya diperkukuhkan selepas itu. Trend ini dapat diperhatikan dengan menilai prestasi parti pemerintah dalam pilihan raya yang diadakan sejak 1970 hingga 2008. Berdasarkan Jadual 1, BN mulai menampakkan kekuatan politiknya pada akhir tahun 1970-an apabila parti tersebut merekodkan kemenangan di 45 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak yang dipertandingkan, berbanding hanya 23 kerusi pada 1970 dan 30 kerusi pada 1974. Dari segi undi popular, BN turut mencatatkan peningkatan yang begitu signifikan pada 1970-an; daripada 39% pada 1970 kepada 61.2% pada 1979. Kekuatan BN terus menyerlah di bawah pemerintahan Abdul Taib Mahmud selama lebih dua dekad. Walaupun prestasi BN sedikit tercalar pada awal pentadbiran Ketua Menteri Sarawak keempat ini (kemenangan 34 kerusi pada 1983 dan 28 kerusi pada 1987), parti pemerintah berupaya mematahkan tentangan parti pembangkang dengan mengambil pelbagai langkah akomodasi dan represif (Faisal, 2009a). Hasilnya, BN berjaya mendominasi empat pilihan raya negeri seterusnya (49 daripada 56 kerusi atau 87.5% kerusi pada 1991; 57 daripada 62 kerusi atau 91.9% kerusi pada 1996; 60 daripada 62 kerusi atau 96.8% kerusi pada 2001; 62 daripada 71 kerusi atau 87.3% kerusi pada 2006). Dalam tempoh waktu tersebut, BN merekodkan lebih daripada 60% undi popular kecuali dalam pilihan raya 1987.

Jadual 1: Prestasi BN dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak, 1970–2006

	1970	1974	1979	1983	1987	1991	1996	2001	2006
Jumlah kerusi dimenangi BN	23 (48)	30 (48)	45 (48)	34 (48)	28 (48)	49 (56)	57 (62)	60 (62)	62 (71)
% undi popular diperolehi BN	39.0	55.0	61.2	68.5	55.2	62.8	66.6	71.2	62.9
Jumlah kerusi dimenangi BN di kawasan majoriti bumiputera Islam	11 {11}	11 {11}	12 {12}	12 {12}	9 {12}	17 {17}	22 {22}	21 {21}	26 {26}
% undi popular diperolehi BN di kawasan majoriti bumiputera Islam	47.3	70.3	77.2	67.6	59.5	74.5	77.7	77.2	75.3

Nota:

1. Angka () mewakili jumlah keseluruhan kerusi parlimen di Sarawak.

2. Angka { } mewakili jumlah keseluruhan kerusi bumiputera Islam di Sarawak.

Sumber: Diadaptasi daripada Searle (1983: 219–225); Leigh (1974: 136–137); Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (1985: 36–42, 1988b: 40–45, 1993: 67–78, 1999: 92–111, 2004a: 85–97, 2009)

Dominasi BN, khususnya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), lebih menyerlah di kawasan majoriti pengundi bumiputera Islam. Sejak 1970, parti pemerintah menyapu bersih kesemua kerusi bumiputera Islam kecuali dalam pilihan raya 1987. Dari segi peratusan undi pula, populariti parti pemerintah adalah jauh lebih tinggi di kawasan bumiputera Islam berbanding pengundi Sarawak secara keseluruhan. Secara puratanya, BN merekodkan lebih daripada 70% undi popular di kerusi bumiputera Islam kecuali dalam pilihan raya 1970, 1983 dan 1987.

Selari dengan penguasaan BN dalam pilihan raya negeri, parti pemerintah ini turut menguasai sepuluh pilihan raya parlimen yang dilangsungkan sejak 1970. Trend dominasi BN dalam pilihan raya negeri turut diulang dalam pilihan raya parlimen. Pada awal dekad 1970-an, BN di bawah pimpinan Abdul Rahman Yaakub baru sahaja bertatih, justeru ia hanya berupaya merebut 9 kerusi dalam pilihan raya 1970 dan 15 kerusi dalam pilihan raya 1974. Penguasaan parti pemerintah dalam pilihan raya parlimen bermula semasa pemerintahan Abdul Taib Mahmud apabila ia berjaya mencatatkan kejayaan lebih daripada 78% kerusi parlimen pada 1980-an dan melonjak kepada lebih 95% kerusi pada 1990-an dan dekad 2000-an. Undi popular yang diraih BN turut meningkat dengan signifikan sekali dalam tempoh waktu tersebut, iaitu daripada hanya 34.6% pada 1970 kepada lebih 60% dalam pilihan raya seterusnya (kecuali pilihan raya 1982, 1986 dan 1990). Sepertimana dalam pilihan raya negeri, dominasi BN dalam pilihan raya parlimen ternyata lebih menyerlah di kawasan majoriti pengundi bumiputera Islam. Selain menyapu bersih kesemua kerusi bumiputera Islam sejak pilihan raya parlimen 1970, BN turut merekodkan peratusan undi yang jauh lebih tinggi daripada peratusan negeri. Malah, dalam pilihan raya 1995 dan 2004, BN mencipta sejarah dengan meraih 82.8% undi di kawasan majoriti bumiputera Islam. Trend ini membuktikan betapa kuatnya sokongan masyarakat bumiputera Islam terhadap parti pemerintah terutamanya PBB yang dikuasai pemimpin bumiputera Islam. Walau bagaimanapun, konsolidasi politik masyarakat bumiputera Islam diwarnai oleh tentangan berterusan segelintir elit Melayu yang menubuhkan pelbagai parti pembangkang seperti Parti Anak Jati Sarawak (PAJAR) pada 1978, *United Sarawak Natives Association* (USNA) pada 1986, Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS) pada 1987, Parti Keadilan Rakyat (PKR) peringkat negeri Sarawak dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) peringkat negeri Sarawak pada 1999.

Sumber kekuatan politik pemimpin bumiputera Islam berakar umbi daripada empat faktor; (1) konsolidasi masyarakat bumiputera Islam, (2) "pakatan" politik yang terbentuk antara kerajaan pusat dan pemimpin bumiputera Islam Sarawak, (3) kestabilan kerjasama politik antara parti komponen BN di Sarawak, dan (4) fragmentasi berterusan elit Dayak.

Jadual 2: Prestasi BN dalam Pilihan Raya Parlimen di Sarawak, 1970–2008

	1970	1974	1978	1982	1986	1990	1995	1999	2004	2008
Jumlah kerusi dimenangi BN	9 (24)	15 (24)	23 (24)	19 (24)	21 (24)	21 (27)	26 (27)	28 (28)	27 (28)	30 (31)
% undi popular diperolehi BN	34.6	62.0	63.0	56.8	55.6	57.1	63.6	65.9	65.8	64.2
Jumlah kerusi dimenangi BN di kawasan majoriti bumiputera Islam	5 {5}	5 {5}	5 {5}	5 {5}	5 {5}	7 {7}	8 {8}	7 {7}	7 {7}	8 {8}
% undi popular diperolehi BN di kawasan majoriti bumiputera Islam	48.0	68.2	68.4	77.6	68.2	74.7	82.8	68.7	82.8	77.2

Nota:

1. Angka () mewakili jumlah keseluruhan kerusi parlimen di Sarawak.
2. Angka { } mewakili jumlah keseluruhan kerusi bumiputera Islam di Sarawak.

Sumber: Diadaptasi daripada Searle (1983: 219–225); Leigh (1974: 136–137); Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (1975: 63–67, 1980: 86–89, 1983: 85–87, 1988a: 82–83, 1992: 152–155, 1997: 173–174, 2002: 124–126, 2006: 190–194, 2009).

Pertama, kunci penting yang membuka pintu kepada bermulanya dominasi politik pemimpin bumiputera Islam, khususnya pemimpin Melanau Islam, ialah konsolidasi masyarakat Melayu, Melanau Islam dan Kedayan di bawah satu payung iaitu PBB (Sanib, 1985: 120). Perpecahan yang wujud dalam masyarakat bumiputera Islam Sarawak pada era pra-merdeka yang membawa kepada kejatuhan kuasa politik kelompok ini menjadi pengajaran tentang peri pentingnya penyatuan dalam masyarakat minoriti ini. Justeru, pembentukan parti bumiputera pada 1966 dan PBB pada 1973 merupakan langkah konsolidasi yang menjadi ramuan kejayaan pemimpin Melanau Islam memerintah negeri ini untuk tempoh lebih tiga dekad. Sehingga kini, konsolidasi politik masyarakat bumiputera Islam nampaknya masih belum terganggu walaupun telah wujud pelbagai usaha untuk memecah monopoli politik PBB dalam kalangan masyarakat ini. Dua strategi utama yang digunakan pemimpin Melanau Islam dalam menyatukan masyarakat bumiputera Islam ialah penaungan pilihan raya dan proses islamisasi (Mohd Faisal Syam, 2008: 242–270).

Kedua, pemimpin Melanau Islam dapat meneruskan dominasi politik Sarawak kerana wujud "pakatan" politik antara mereka dengan kerajaan pusat. "Pakatan" politik ini dibentuk setelah hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri di bawah teraju pemimpin Iban menjadi tegang disebabkan oleh pendekatan konfrontasi yang diambil pemimpin negeri ini. Bagi membawa kestabilan politik

di Sarawak, kerajaan pusat bergantung kepada golongan inteligensia Melanau Islam yang ternyata lebih menyerlah dari segi kepimpinan serta tahap pendidikan mereka berbanding kelompok Melayu untuk memerintah negeri terbesar dalam Persekutuan Malaysia ini. Justeru, selepas Pilihan Raya Umum 1970, kerajaan pusat merancang pelan yang membolehkan Abdul Rahman Yaakub diterima oleh parti komponen BN Sarawak (dikenali sebagai Perikatan pada waktu itu) sebagai Ketua Menteri Sarawak yang baharu. Berdasarkan "pakatan" ini, beliau dikehendaki memenuhi lima tuntutan utama kerajaan pusat iaitu (1) mengutamakan kepentingan nasional daripada kepentingan negeri, (2) mengekalkan dominasi Melayu dalam politik dan pentadbiran negeri, (3) memastikan penguasaan berterusan BN dalam pilihan raya negeri dan paling penting pilihan raya parlimen, (4) menyerahkan hak untuk mengekstrak sumber asli negeri, terutamanya minyak dan gas kepada kerajaan pusat, dan (5) memastikan wujudnya kestabilan politik di negeri ini (Faisal, 2009a). Sekiranya beliau enggan memenuhi kesemua tuntutan ini, kerajaan pusat akan menarik balik sokongan terhadapnya. Pemimpin Melanau Islam ini sedar bahawa tanpa sokongan kerajaan pusat, beliau tidak akan dapat mengekalkan kerusi Ketua Menteri, justeru setiap tuntutan ini dipenuhi tanpa sebarang keraguan. Sebagai balasan, kerajaan pusat memberikan "kebebasan" (bukan mutlak) kepada beliau untuk mendominasi bukan sahaja masyarakat di Sarawak tetapi juga pelbagai sumber negeri yang bernilai tinggi seperti balak dan tanah. "Pakatan" politik ini dipanjangkan kepada pengganti beliau iaitu Abdul Taib Mahmud, yang turut mentaati setiap satu tuntutan kerajaan pusat sepanjang lebih tiga dekad pemerintahannya (Mohd Faisal Syam, 2008: 236).

Ketiga, pemimpin bumiputera Islam berupaya mendominasi politik Sarawak kerana ia berjaya membentuk kerjasama yang baik antara parti-parti komponen BN negeri terutamanya Sarawak United Peoples' Party (SUPP). Sepanjang hampir empat dekad, PBB berupaya menjadi sebuah parti politik yang kuat dan berpengaruh dalam kalangan parti komponen BN Sarawak (BNS). Parti yang didominasi oleh pemimpin bumiputera Islam ini berjaya menjadi peneraju utama BNS kerana ia memiliki jumlah kerusi negeri dan parlimen yang terbanyak di kalangan parti komponen negeri. Ini dapat dilakukan melalui beberapa proses persempadanan semula kawasan pilihan raya dan krisis kepimpinan yang berlaku dalam kalangan elit Dayak. Jika dalam pilihan raya 1979, PBB (dikenali sebagai Parti Bumiputera pada waktu itu) hanya mempunyai 18 ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) (berbanding Sarawak National Party (SNAP) yang mempunyai 16 ADUN dan SUPP mempunyai 11 ADUN), angka ini melonjak kepada 35 ADUN dalam pilihan raya 2006 (berbanding 11 ADUN daripada SUPP, 9 daripada Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan 8 daripada *Sarawak Progressive Democratic Party* (SPDP)). Sebagai sebuah parti politik yang terkuat di Sarawak, kedudukan PBB sukar digugat oleh parti-parti komponen BNS yang lain terutamanya parti-parti Dayak yang masih menyimpan hasrat untuk melihat salah

seorang daripada pemimpin mereka mengikut jejak langkah Kalong Ningkan dan Tawi Sli sebagai Ketua Menteri Sarawak. Kekuatan PBB, sebenarnya, banyak didukung oleh peranan yang dimainkan oleh SUPP sebagai rakan setia parti dominan masyarakat bumiputera Islam ini. Sepanjang pemerintahan Abdul Taib Mahmud, SUPP dijadikan sebagai parti politik paling kanan dalam BNS. Kekanan SUPP dimanifestasikan dari segi jumlah kerusi DUN dan parlimen yang diperuntukkan kepada parti ini dan juga dari segi portfolio penting yang diberikan kepadanya dalam kabinet Sarawak. Abdul Taib Mahmud memberi kepercayaan tinggi kepada SUPP kerana beliau percaya bahawa parti dominan Cina ini tidak menyimpan hasrat untuk merampas tampuk pemerintahan negeri daripada pemimpin Bumiputera Islam. Semasa krisis Ming Court pada 1987¹, Abdul Taib Mahmud dan PBB sudah pasti berjaya ditumpaskan oleh pakatan pembangkang sekiranya SUPP mengambil keputusan untuk tidak meneruskan sokongannya kepada pemimpin Melanau Islam ini (Chin, 2004: 243). Pada waktu itu, BNS yang terdiri daripada PBB, SUPP dan SNAP hanya berjaya mempertahankan 28 kerusi yang mana 11 daripadanya disumbangkan oleh SUPP.

Keempat, perpecahan berterusan yang berlaku dalam kalangan elit Dayak menyebabkan mereka tidak mampu menjadi kuasa politik yang kuat dan mampu mencabar dominasi pemimpin bumiputera Islam (Searle, 1983; Jawan, 1994). Fragmentasi elit Dayak ini dimanifestasikan dalam krisis berpanjangan yang melanda parti Dayak sehingga membawa kepada pembubaran parti tradisi masyarakat Dayak iaitu SNAP dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS). Selain itu, keanggotaan masyarakat Dayak dalam BNS yang berpecah kepada empat parti (PRS, SPDP, SUPP dan PBB) memperkuatkan lagi tanggapan bahawa golongan elit Dayak tidak dapat mengetepikan perbezaan mereka untuk bersatu di bawah satu payung. Perpecahan ini, walau bagaimanapun, adalah satu "rahmat" kepada masyarakat bumiputera Islam kerana selagi pemimpin golongan majoriti ini bertelagah sesama sendiri, mereka tidak akan dapat mengembalikan kegemilangan politik Dayak pada 1960-an.

Dominasi politik pemimpin bumiputera Islam dampak belum tercabar sehingga ke hari ini. Malah pendorinasian ini mungkin akan diteruskan untuk beberapa dekad lagi. Walau bagaimanapun, tiada suatu entiti, baik hidup mahupun tidak, yang mampu kekal untuk selama-lamanya. Tsunami politik 8 Mac 2008 adalah simbol betapa terdedahnya politik negara kepada libasan perubahan. Suatu senario (kehilangan kuasa dua pertiga BN dalam Dewan Rakyat dan kekalahan parti pemerintah di lima buah negeri) yang hampir mustahil berlaku dalam politik negara akhirnya kini menjadi suatu kenyataan. Dalam konteks ini, dominasi BNS di bawah teraju pemimpin Melanau Islam turut tidak terkecuali daripada penanganan tsunami politik yang mampu melucutkan genggamannya pemimpin

bumiputera Islam di Sarawak. Persoalannya apakah keadaan yang mampu membawa kepada kejatuhan kuasa politik bumiputera Islam di Sarawak?

TENTANGAN DOMINASI POLITIK PEMIMPIN BUMIPUTERA ISLAM

Dalam masyarakat, wujud pelbagai arena dominasi dan tentangan (Migdal, Kohli dan Shue, 1994: 9). Daripada soal budaya, politik mahupun ekonomi, kerajaan dan organisasi sosial lain akan bersaing bagi mendominasi setiap aspek kehidupan ahlinya. Kerajaan sebagai entiti yang paling berpengaruh dalam masyarakat selalunya mempunyai sumber dan kekuatan untuk mendominasi setiap aspek kehidupan ahlinya. Adakalanya pendominasian ini berjaya menuntut kepatuhan masyarakat tetapi sering kali tindakan kerajaan ini diiringi oleh tentangan organisasi sosial lain seperti golongan inteligensia, kumpulan agama, golongan budaya dan badan bukan kerajaan. Di Sarawak, keutuhan dominasi politik masyarakat bumiputera Islam di bawah teraju pemimpin Melanau Islam berupaya dicabar oleh beberapa elemen dalam masyarakat. Antara elemen-elemen yang dimaksudkan ialah kelas menengah Melayu, pemimpin UMNO dan golongan inteligensia Cina-Dayak.

Pertama, dominasi politik pemimpin bumiputera Islam di Sarawak sudah pasti terhakis sekiranya konsolidasi politik yang wujud dalam masyarakat bumiputera Islam sejak 1966 terlerai hasil tentangan kelas menengah Melayu. Kemunculan kelas menengah ini adalah hasil daripada proses pembangunan yang dijana oleh negara sendiri (Abdul Rahman, 1998: 91). Walaupun bilangan kelas menengah di Sarawak agak kecil berbanding di negeri-negeri yang jauh lebih maju seperti Selangor dan Pulau Pinang, ia sudah mulai memainkan peranan penting dalam proses perubahan politik di negeri ini. Dengan menggunakan klasifikasi kelas menengah yang diutarakan oleh Saravanamuttu (2001: 107)², kelas menengah di Sarawak mewakili sejumlah 30.6% daripada tenaga buruh di negeri ini (perangkaan tahun 2000). Oleh kerana masyarakat Cina dan Melayu merupakan dua kumpulan etnik yang paling terkehadapan dari segi pembangunan ekonomi mereka, penulis percaya bahawa golongan kelas menengah di Sarawak sebahagian besarnya terdiri daripada dua kelompok masyarakat ini.

Menurut Abdul Rahman (2002), kelas menengah di Malaysia, mempunyai dua karektor politik yang berbeza. Sebahagian besar daripada mereka cenderung untuk menyokong parti pemerintah kerana mereka ingin mengekalkan *status quo* manakala sebahagian lagi menentang kerajaan atas landasan idealisme politik yang berbeza. Dalam konteks Sarawak, majoriti daripada kelas menengah Melayu masih setia menyokong parti pemerintah dan ini terbukti daripada

cengkaman kuat BN di kawasan bandar yang menjadi pusat penempatan kelas menengah. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir kecil kelas menengah yang berani menentang kerajaan atas dua platform yang berbeza.

Pertama, kelas menengah Melayu ini menggunakan platform nasionalisme Melayu sebagai wadah perjuangan (Sanib, 1985; Chin, 2003; Mohd Faisal Syam, 2008). Trend ini dapat dilihat dalam gerakan pembangkang pada lewat 1980-an dan 1990-an. Laungan nasionalisme etnik, walau bagaimanapun, tidak mendapat tempat dalam kalangan pengundi Melayu pada waktu itu. Kegagalan kelas menengah Melayu memecah monopoli PBB menyebabkan golongan ini menukar pendekatan politik yang digunakan. Keadaan ini membawa kepada pembentukan platform kedua tentang politik kelas menengah Melayu iaitu politik baharu. Menurut Loh dan Saravanamuttu (2003), gerakan reformasi yang berlaku pada 1998 menjadi titik tolak lahirnya politik baharu yang mengubah lanskap politik negara. Dalam politik baharu, masyarakat Malaysia bukan sahaja dipengaruhi oleh politik perkauman dan tarikan pembangunan semata-mata (dikenali sebagai politik lama). Sebaliknya, politik pelbagai kaum dan demokrasi partisipasi menjadi kuasa baharu yang mampu mencabar dominasi politik lama. Tambahan lagi, politik baharu ini didukung oleh kelas menengah yang aktif menggerakkan masyarakat sivil. Dalam pilihan raya 1999, masyarakat sivil dan parti pembangkang berganding bahu dalam memperjuangkan isu-isu politik baharu seperti demokrasi, keadilan dan ketelusan.

Percambahan politik baharu ini, walau bagaimanapun, tidak bermakna politik lama akan lupus begitu sahaja kerana ia sudah lama berakar-umbi dalam hati dan minda masyarakat. Menurut Mohd Yusof dan Azlan (2002) pula, politik baharu ialah perubahan dari segi struktur masyarakat, orientasi perjuangan parti dan aktor politik. Dari segi struktur, masyarakat Malaysia berubah melalui pelbagai dasar serta program yang diperkenalkan kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru dan Koridor Raya Multimedia. Melalui dasar dan program sebegini, proses pembandaran menjadi semakin pesat sehinggakan jumlah penduduk bandar dan kelas menengah kian membesar. Golongan inilah yang berperanan menjadi *katalis* kepada anjakan politik kerana mereka lebih terbuka kepada idea baharu. Dari segi orientasi perjuangan, isu-isu yang sempit seperti isu perkauman, nasionalisme sempit dan kewilayahan kurang menjadi tumpuan, sebaliknya isu sejagat seperti keadilan, ketelusan, tadbir urus yang baik dan kepentingan umum menjadi landasan perjuangan parti politik. Dari segi aktor pula, politik baharu menyaksikan munculnya aktor-aktor baharu seperti golongan wanita, belia, aktivis masyarakat, pemimpin badan bukan kerajaan dan kelas menengah.

Percambahan politik baharu di Sarawak mampu membawa anjakan dalam amalan politik lama yang telah berakar umbi dalam masyarakat. Ini bermakna pengundi di Sarawak termasuklah pengundi Melayu tidak lagi tertarik untuk menyokong

parti yang hanya dapat menjanjikan pembangunan semata-mata (Aeria, 1997; Faisal, 2009b), sebaliknya mereka akan terdorong untuk menilai pelbagai isu nasional yang dirasakan penting sebelum membuat keputusan untuk mengundi calon atau parti yang tertentu. Umpamanya, isu kenaikan harga minyak akan mempengaruhi pengundi untuk menilai sama ada parti pemerintah berjaya menangani isu ini dengan baik atau pihak pembangkang mempunyai langkah alternatif untuk menangani masalah ini. Selain menilai isu semasa, pengundi juga mulai tertarik kepada soal-soal yang berkaitan dengan prinsip-prinsip demokrasi seperti usaha memerangi rasuah, meningkatkan ketelusan, memperjuangkan kebebasan bersuara dan tadbir urus yang baik. Walaupun kemunculan politik baharu di Semenanjung Malaysia masih belum mampu merubah trend pengundian masyarakat bumiputera Islam di Sarawak secara total, ia berjaya sedikit sebanyak mengubah lanskap politik negeri. Salah satu daripada perubahan yang dibawa oleh politik baharu ke Sarawak ialah komposisi parti pembangkang negeri. Jika dahulu parti pembangkang yang didominasi pemimpin bumiputera Islam Sarawak kesemuanya lahir di sini, senario ini berubah sama sekali apabila parti-parti nasional seperti PKR dan PAS melebarkan sayapnya ke negeri ini. Kehadiran parti-parti politik nasional ini sudah pasti membawa dimensi baharu dalam politik Sarawak terutamanya dari segi kepimpinan dan budaya politik. Yang pasti, parti-parti nasional ini tidak akan mudah berkubur seperti yang berlaku kepada PAJAR dan PERMAS. Sebaliknya, besar kemungkinan menjadi peserta kekal dalam kancah politik negeri seperti rakan seperjuangannya, DAP yang telah mewarnai politik Sarawak sejak 1978.

Berdasarkan keputusan pilihan raya 2006, terdapat segelintir (lebih kurang 20%) pengundi bumiputera Islam mulai tertarik dengan perjuangan pembangkang terutamanya PKR dan PAS. Malah, parti pembangkang ini berjaya meraih lebih daripada 40% undi di tiga kerusi (Sadong Jaya, Beting Maro, Saribas) dan antara 30% hingga 40% undi di tiga kerusi lain (Pantai Damai, Semariang, Jemoreng). Percambahan politik baharu di Semenanjung Malaysia tidak akan merebak ke Sarawak dalam tempoh waktu yang terdekat memandangkan kukuhnya genggam politik parti pemerintah ke atas masyarakat bumiputera Islam di negeri ini. Walau bagaimanapun, percambahan politik baharu di Sarawak tidak dapat disekat selama-lamanya. Faktor-faktor berikut mampu mendorong perkembangan politik baharu iaitu transformasi masyarakat terutamanya kemunculan lebih ramai kelas menengah, peningkatan tahap akses maklumat dan pengukuhan institusi politik terutamanya sektor awam di Sarawak (Faisal, 2009a).

Apabila konsolidasi masyarakat bumiputera Islam dapat dipecahkan manakala masyarakat Cina dan Dayak terus kekal menyokong parti pemerintah, sumber utama dominasi politik pemimpin bumiputera Islam dapat dihapuskan. Dalam senario ini, PBB dan pemimpin bumiputera Islam akan hanya memainkan watak

pendukung dalam kerajaan BNS apabila pemimpin Dayak mula menuntut agar kerusi Ketua Menteri diberikan kepada mereka. Ini adalah senario yang berlaku pada era Sarawak di ambang kemerdekaan dahulu (Leigh, 1974; Sanib, 1985). Akan tetapi jika perpecahan politik masyarakat bumiputera Islam turut berlaku sebagaimana dalam masyarakat Cina dan Dayak, pemimpin bumiputera Islam dalam PKR masih dapat meneruskan kesinambungan pemerintahan golongan minoriti ini, asalkan ia mempunyai jumlah kerusi yang terbanyak dalam kalangan parti pembangkang di Sarawak.

Kedua, pemimpin bumiputera Islam tidak akan dapat mendominasi politik Sarawak sekiranya pakatan politik yang terbentuk antara kerajaan pusat dan pemimpin bumiputera Islam ini dihentikan. Pakatan politik ini boleh ditamatkan sekiranya kerajaan pusat di bawah teraju UMNO merasakan bahawa ketuanan Melayu tidak perlu lagi dipanjangkan ke Sarawak. Langkah strategik ini diambil pemimpin UMNO disebabkan tekanan politik "pelbagai etnik" yang dilaungkan oleh PR. Sebagai sebuah negeri yang sebilangan besar masyarakatnya adalah orang Dayak, pemimpin UMNO mungkin merasakan bahawa teraju kepimpinan di Sarawak "wajar" diserahkan kembali kepada pemimpin masyarakat ini. Melalui tindakan ini, UMNO berharap ia akan dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa parti nasional ini bersikap etnosentrik. Sepertimana kepimpinan Pulau Pinang diserahkan kepada golongan majoriti Cina di bawah Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), "aturan" politik Sarawak juga boleh disusun sebegitu rupa terutamanya selepas tsunami politik 8 Mac 2008. Petanda awal yang menunjukkan pemimpin UMNO sanggup mengubah "pakatan" politik di Sarawak ialah pelantikan Douglas Unggah sebagai menteri kabinet persekutuan bagi mewakili slot PBB. Pelantikan beliau menyebabkan pemimpin bumiputera Islam Sarawak tidak mempunyai seorang wakil pun di peringkat kabinet persekutuan.

Ketiga, golongan inteligensia Cina dan Dayak mempunyai pengaruh besar dalam mengubah sokongan masyarakat mereka terhadap kerajaan BN di bawah pimpinan masyarakat bumiputera Islam. Daripada sejumlah 71 kerusi DUN, Sarawak hanya mempunyai 27 kerusi majoriti bumiputera Islam manakala selebihnya ialah kerusi bumiputera bukan Islam (29 kerusi) dan kerusi Cina (15 kerusi). Bagi membentuk kerajaan, pihak pembangkang perlu memenangi sekurang-kurangnya 36 kerusi untuk membentuk majoriti mudah dalam DUN Sarawak. Berdasarkan prestasi pembangkang dalam pilihan raya 2006, harapannya untuk mendominasi kerusi Cina tidaklah sukar dicapai terutamanya apabila pembangkang, DAP, berjaya merampas 7 kerusi daripada SUPP. Tambahan pula, parti pembangkang ini merekodkan antara 30% hingga 49% undi di lima kerusi lain (lihat Jadual 4). Secara keseluruhannya, DAP mencatatkan peratusan undi popular melebihi 30% di lebih 80% kerusi majoriti Cina (12 kerusi). Keyakinan parti pembangkang untuk menawan lebih banyak kerusi

Cina dalam pilihan raya negeri akan datang ditambah pula dengan kemenangan mengejut DAP dalam pilihan raya kecil Sibiu 2010.

Jadual 3: Keputusan Pilihan Raya DUN Sarawak 2006 di kerusi bumiputera Islam

DUN		BN	DAP	PKR	Bebas	PAS
		%	%	%	%	%
1	N. 3 Tanjung Datu	91.1	–	8.2	0.7	–
2	N. 4 Pantai Damai	63.1	–	36.9	–	–
3	N. 5 Demak Laut	77.4	–	22.6	–	–
4	N. 6 Tupong	74.9	–	25.1	–	–
5	N. 7 Semariang	65.1	–	34.9	–	–
6	N. 8 Satok	74.8	–	25.2	–	–
7	N.14 Asajaya	78.7	–	21.3	–	–
8	N.15 Muara Tuang	80.1	–	15.7	4.2	–
9	N. 20 Sadong Jaya	59.4	–	40.6	–	–
10	N. 21 Simunjan	76.9	–	23.1	–	–
11	N. 22 Sebuyau	74.2	–	25.8	–	–
12	N. 23 Lingga (baharu)	70.2	–	29.8	–	–
13	N. 24 Beting Maro	59.5	–	–	–	40.5
14	N. 30 Saribas	50.9	–	49.1	–	–
15	N. 33 Kalaka	83.4	–	16.6	–	–
16	N. 35 Belawai	83.9	–	16.1	–	–
17	N. 36 Semop	78.1	–	21.9	–	–
18	N. 37 Daro (baharu)	MTB	–	–	–	–
19	N. 38 Jemoreng	65.8	–	–	34.2	–
20	N. 49 Nangka	81.7	–	18.3	–	–
21	N. 50 Dalat	MTB	–	–	–	–
22	N. 51 Balingian	90.6	–	9.4	–	–
23	N. 58 Jepak	73.3	26.7	–	–	–
24	N. 61 Bekenu (baharu)	77.2	–	22.8	–	–
25	N. 68 Bukit Kota (baharu)	70.5	–	–	29.5*	–
26	N. 71 Bukit Sari	93	–	1.6	5.4	–
		75.28	1.16	19.22	3.13	1.21

Nota: * dua calon Bebas, MTB = menang tanpa bertanding
 Sumber: Diolah semula dari Borneo Post (2006)

Dalam kerusi bumiputera bukan Islam pula, sasaran 25 kerusi bukanlah sesuatu yang tidak realistik kerana pembangkang pernah merampas 16 daripada 23 kerusi bumiputera bukan Islam yang dipertandingkan dalam pilihan raya 1987. Walaupun kini slogan Dayakisme tidak lagi dilaungkan, pihak pembangkang terutamanya PKR sudah tentu akan mengeksploitasi persepsi masyarakat Dayak bahawa mereka dipinggirkan daripada arus pembangunan dan ditindas dari segi pemilikan tanah. Justeru, tidaklah mengejutkan apabila PKR mampu menarik ramai golongan profesional Dayak untuk menyertai parti tersebut dan seterusnya berusaha menembusi golongan massa Dayak. Dalam pilihan raya 2006, parti pembangkang berupaya merekod lebih daripada 50% undi di 3 kerusi (2 daripada 3 kerusi ini dimenangi oleh pembangkang) dan antara 30% hingga 49% undi di 16 kerusi bumiputera bukan Islam. Sekiranya perpecahan yang berlaku dalam kalangan elit Dayak menular kepada golongan massanya, kestabilan BNS sudah pasti terganggu. Jika golongan skeptik beranggapan senario ini tidak mungkin berlaku maka mereka perlu mengimbas kembali peristiwa 8 Mac 2008. Dalam keadaan ini, PBB dan pemimpin bumiputera Islam akan hanya mengisi bangku pembangkang di DUN dan ini semestinya suatu lakaran sejarah baharu dalam perkembangan politik Melayu di Sarawak.

Tentangan pengundi bukan bumiputera Islam ini didukung oleh segelintir inteligensia Cina dan Dayak yang merasa terpacu untuk mencabar kerajaan BNS di bawah teraju pemimpin bumiputera Islam. Sejak awal dekad 2000-an, kekuatan DAP didukung oleh golongan inteligensia Cina yang berlatarbelakangkan kelayakan perundangan seperti pengerusi DAP Sarawak yang juga ADUN Bukit Assek, Wong Ho Leng, ahli parlimen Bandar Kuching yang juga merupakan ADUN Kota Sentosa, Chong Chieng Jen, bendahari DAP Sarawak yang juga ADUN Pending, Violet Yong, ADUN Batu Lintang, Voon Lee Shan dan penolong setiausaha publisiti DAP Sarawak, Wong King Wei. Kini, PKR pula dibanjiri oleh golongan inteligensia Dayak yang mula melangkah ke kawasan pedalaman untuk menarik sokongan masyarakat Dayak yang merasa terpinggir dan tertindas. Pengaruh golongan inteligensia ini tidak wajar diperkecilkan kerana mereka dahulu pernah menggegarkan politik Sarawak sehingga mengubah landskap politik negeri (Sanib, 1985). Kini, golongan ini menerajui gerakan penentangan di Sarawak terutamanya dalam kalangan masyarakat Cina dan Dayak.

KESIMPULAN

Kali terakhir tsunami politik melanda Sarawak, ia menyebabkan golongan aristokrat Melayu yang telah menguasai tampuk pemerintahan negeri sejak kurun ke-16 hilang kedudukan mereka. Tentangan terhadap kepimpinan golongan ini berakar umbi daripada kumpulan paling berpengaruh dalam kalangan masyarakat

Jadual 4: Peratusan undi yang diperolehi pihak pembangkang dalam Pilihan Raya DUN Sarawak 2006 bagi kerusi bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina

Kadar peratusan undi	Jumlah kerusi	% Kerusi
Kerusi bumiputera Islam	27	99.9
Melebihi 50%	0	0.0
Antara 40% hingga 49%	3	11.1
Antara 30% hingga 39%	3	11.1
Antara 20 hingga 29%	9	33.3
Bawah 20%	12	44.4
Kerusi bumiputera bukan Islam	29	99.9
Melebihi 50%	3	10.3
Antara 40% hingga 49%	4	13.8
Antara 30% hingga 39%	12	41.4
Antara 20% hingga 29%	9	31.0
Bawah 20%	1	3.4
Kerusi Cina	15	100.1
Melebihi 50%	7	46.7
Antara 40% hingga 49%	4	26.7
Antara 30% hingga 39%	1	6.7
Antara 20% hingga 29%	3	20.0
Bawah 20%	0	0.0

Sumber: Diolah semula dari Borneo Post (2006)

bumiputera Islam pada waktu itu iaitu golongan inteligensia (Sanib, 1985). Walaupun tentangan golongan inteligensia ini menyebabkan tampuk pemerintahan negeri berpindah ke tangan pemimpin Iban, ia sebenarnya mempunyai impak positif terhadap politik bumiputera Islam Sarawak. Impak positif yang paling ketara ialah penyingkiran pemimpin yang sudah alpa tentang tanggungjawab mereka iaitu menjaga kebajikan serta kepentingan masyarakat yang diwakili. Setelah hampir lima dekad, tsunami politik bakal kembali menghantui masyarakat bumiputera Islam Sarawak sekiranya pemimpin mereka melakukan kesilapan sama yang dilakukan oleh golongan aristokrat dahulu. Dalam keadaan pemimpin Melayu mengutamakan kepentingan peribadi dan melupakan nasib golongan massa, masyarakat wajar melancarkan tentangan. Saranan ini dimajukan sendiri oleh pemikir politik moden yang terkemuka John Locke dalam bukunya, *The Second Treatise of Government*. Menurut beliau, "if government fails to discharge its responsibilities to its subjects, or abuses those powers in an oppressive or tyrannical manner, or rules without obtaining the consent of the governed, then under all those circumstances the individuals who form civil society may exercise their right of rebellion, removing their rules without actually dissolving civil society itself" (Jones, 2002: 48). Inilah makna sebenar ungkapan popular Presiden Amerika Syarikat ke-16, Lincoln (1863: 1), mengenai demokrasi iaitu "kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat".

NOTES

1. Krisis Ming Court merujuk kepada pergolakan politik yang berlaku di Sarawak pada tahun 1987. Pada waktu itu, 27 orang ADUN BN termasuk empat orang menteri dan tiga orang timbalan menteri berkumpul di Hotel Ming Court, Kuala Lumpur, dan menyatakan ketidakpercayaan mereka terhadap kepimpinan Ketua Menteri Abdul Taib Mahmud. Kumpulan ini mendesak supaya Abdul Taib Mahmud meletak jawatan tetapi hasrat mereka tidak tercapai apabila DUN Sarawak dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya diadakan. Dalam pilihan raya tersebut, Abdul Taib Mahmud berjaya menewaskan gerakan untuk menjatuhkan beliau apabila BN memenangi 28 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan (Leigh, 1991: 189).
2. Saravanamuttu (2001) mengklasifikasi kelas menengah berdasarkan jenis pekerjaan mereka; profesional dan teknikal, guru dan jururawat, pentadbir dan pengurus, pekerja perkeranian, pekerja jualan dan pekerja perkhidmatan. Data ini diperolehi melalui laporan berkala yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2002. *State-led modernization and the new middle class in Malaysia*. Houndmills and New York: Palgrave.
- _____. 1998. Social transformation, the state and the middle classes in post-independence Malaysia. In *Cultural contestations: Mediating identities in a changing Malaysian society*, ed. Zawawi Ibrahim, 83–116. London: ASIAN Academic Press.
- Aeria, A. 1997. The politics of development and the 1996 Sarawak state elections. In *Sabah and Sarawak: The politics of development and federalism*, ed. F. K. W. Loh. Special Issue, *Kajian Malaysia* 15(1& 2): 57–83.
- Borneo Post*. 2006. Sarawak state election results 2006. 21 May.
- Chin, J. 2004. Autonomy: Sarawak during the Mahathir years. In *Reflections: The Mahathir years*, ed. B. Welsh, 240–251. Washington: Southeast Asia Studies Program, John Hopkins University.
- _____. 2003. The Melanau-Malay schism erupts again: Sarawak at the polls. In *New politics in Malaysia*, eds. F. K. W. Loh and J. Saravanamuttu, 213–227. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Faisal S. Hazis. 2009a. Muslim Melanau strongmen rule in Sarawak. *Aliran Monthly* 29: 6.

- _____. 2009b. Politics of development in Sarawak. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 77: December.
- Jawan, J. 1994. *Iban politics and economic development*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jones, T. 2002. *Modern political thinkers and ideas*. London: Routledge.
- Leigh, M. 1991. Money politics and Dayak nationalism: The 1987 Sarawak state election. In *Images of Malaysia*, eds. Muhammad Ikmal Said and J. Saravanamuttu, 180–202. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- _____. 1974. *The rising moon: Political change in Sarawak*. Sydney: Sydney University Press.
- Lincoln, A. 1863. Abraham Lincoln's Gettysburg address. http://www.beaconlearningcenter.com/documents/423_01.pdf (accessed 15 February 2011)
- Locke, J. 1952. *The second treatise of government*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Loh, F. K. W. and J. Saravanamuttu, eds. 2003. *New politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Migdal, J. S. 2001. *State in society: Studying how states and societies transform and constitute one another*. Cambridge: Cambridge University Press.
- _____. 1988. *Strong societies and weak states*. New Jersey: Princeton University Press.
- Migdal, J. S, A. Kohli and V. Shue, eds. 1994. *State power and social forces: Domination and transformation in the Third World*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd Faisal Syam Abdol Hazis. 2008. Strongmen-politicians and strategies of domination: Politics among the Muslim bumiputera in Sarawak, 1970–2006. PhD diss., Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Yusof Kasim and Azlan Ahmad, eds. 2002. *Politik baru dalam pilihan raya umum*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Sanib Said. 1985. *Malay politics in Sarawak 1946–1966: The search for unity and political ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Saravanamuttu, J. 2001. Is there a politics of the Malaysian middle class? In *Southeast Asian middle classes: Prospects for social change and democratization*. ed. Abdul Rahman Embong, 103–118. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Searle, P. 1983. *Politics in Sarawak 1970–1976: The Iban perspective*. Singapore: Oxford University Press.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2011. *Keputusan Pilihan Raya Kecil*. <http://www.spr.gov.my> (accessed 15 February 2011).
- _____. 2009. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 2008*. <http://www.spr.gov.my> (accessed 5 March 2009).
- _____. 2006. *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 2004a. *Sarawak State Elections Results 1979*. <http://www.spr.gov.my> (accessed 3 February 2004)
- _____. 2004b. *Laporan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 2001*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 2002. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 1999. *Laporan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 1996*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 1997. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1995*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 1993. *Laporan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak 1991*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 1992. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 1988a. *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 1986*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

_____. 1988b. *Laporan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 1987*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

_____. 1985. *Laporan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 1983*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

_____. 1983. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

_____. 1980. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1978*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

_____. 1975. *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1974*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.